

24/08/1998

Asia perlu sepakat tangani spekulator

Nurkhairiyah Abdullah

SEMUA negara di rantau Asia perlu bangkit dan sepakat menangani dan membanteras kegiatan manipulasi dan serangan terhadap mata wang untuk mengembalikan zaman kekukuhan dan kegemilangan rantau ini.

Ketua Pelaburan Bank Pembangunan Singapura (DBS), Manohar Sabnani berkata pakatan bersama itu adalah langkah bijak dan wajar yang perlu diambil untuk mengawal perbuatan tidak bertanggungjawab dan mengembalikan semula kewibawaan rantau berkenaan.

"Negara di rantau Asia perlu bertindak sebagai interventionist. Tindakan serta keputusan kerajaan untuk memasuki pasaran, lantas bercampur tangan untuk memulihkan pasaran masing-masing adalah langkah bijak," katanya ketika dihubungi Berita Harian, di Singapura, kelmarin.

Mengulas mengenai kenyataannya mengenai campur tangan kerajaan dalam pasaran saham, yang disiarkan dalam televisyen di republik itu, Khamis lalu, beliau berkata: "Pasaran di rantau ini mudah dimanipulasikan memandangkan saiznya yang tidak besar. Keadaan sama turut menimpa pasaran mata wang."

Rabu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan langkah kerajaan untuk mengawal kegiatan manipulasi mata wang kerana ia menghancurkan ekonomi negara membangun.

Khamis lalu, Jepun menyertai Hong Kong untuk campur tangan dalam pasaran sekiranya spekulator terus mengancam kedudukan mata wang masing-masing.

Kata Manohar, dana lindung nilai adalah dana spekulatif yang bergerak agak aktif untuk meraih keuntungan menggunakan mata wang negara Asia dengan menurunkan nilai pasaran saham dan indeks saham di rantau ini. Dalam persekitaran ekonomi yang lemah, perbuatan itu menjejaskan lagi keadaan pasaran di Asia.

Justeru, katanya kerajaan tidak boleh membiarkan pasaran saham dan mata wang ditentukan oleh keadaan pasaran.

"Keadaan ekonomi yang sudah lemah, ditambah dengan spekulatif ke atas pasaran, lebih-lebih lagi tekanan ke atas mata wang, meningkatkan lagi masalah hutang asing yang terpaksa ditanggung oleh negara.

"Sekiranya, kegiatan lindung nilai itu tidak dikawal, dana seumpama itu boleh menghancurkan pasaran dan ekonomi sesebuah negara. Justeru, wajar kerajaan kalangan negara Asia sepakat bersama untuk menghalang spekulatif, khususnya yang dimulakan oleh Malaysia, harus diikuti oleh negara Asia lain ataupun bertindak apabila pasaran sudah dimanipulasikan ke paras terlalu ekstrim," katanya.

Bagaimanapun, katanya Malaysia tidak boleh menolak kemasukan pelaburan asing tetapi mengawal pembelian dan penjualan mereka untuk tujuan spekulatif.

Justeru, Malaysia perlu membuka pintunya untuk membolehkan pelabur asing menyelamatkan bank atau syarikat tempatan yang berdaya maju dengan membolehkan mereka mengambil alih syarikat terbabit untuk menstabilkan kewangan atau mendapatkan semula suntikan modal baru.

"Syarikat atau bank yang mempunyai hubungan sama ada secara langsung atau tidak langsung dan menanggung hutang terlalu besar berikutan peningkatan nilai mata wang asing boleh hancur sekiranya ia tidak diselamatkan.

"Kerajaan Malaysia hanya perlu mengawal atau melonggarkan syarat kemasukan pelaburan asing itu, pada masa sama membolehkan syarikat menukar tanggungan atau hutang kepada saham baru atau ekuiti, justeru membolehkan

kerajaan mendapatkan dana baru atau bon di pasaran," katanya.
(END)